

15 NOV 2003

Mahathir-PAS

PENIPUAN ADALAH CARA PAS UNTUK MEMANCING UNDI, KATA DR MAHATHIR

SUBANG, 15 Nov (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penipuan adalah cara PAS untuk meraih undi rakyat dan menurutnya parti pembangkang itu "kata lain buat lain".

"Dia kata hendak buat negara Islam tapi niat dia nak tipu rakyat (untuk) dapat undi. Dia kata nak kerja sama dengan DAP, itu pun sama juga, niat dia nak tipu DAP supaya DAP sokong dia dan nanti dia buat benda lain," katanya.

Beliau berkata demikian setibanya di Pengkalan TUDM Subang dari Jepun. Dr Mahathir bersama isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali bercuti di Sepanyol beberapa hari sebelum ke Jepun setelah Dr Mahathir melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober.

Beliau berkata Dokumen Negara Islam yang telah dikeluarkan oleh PAS dua hari yang lalu cuma satu penipuan kerana "parti itu bersahabat dengan syaitan".

"Nik Aziz kata dia kerjasama dengan syaitan. Ini syaitan...pengaruh dia. Dia kata Tuhan mencarut, Tuhan samseng jadi niat dia bukan apa, dia nak lepaskan orang dia yang jadi samseng," katanya.

Beliau berkata Tuhan tidak akan mengampunkan Nik Aziz kerana pemimpin PAS itu berbohong untuk meraih undi dan kepentingan politik.

Dr Mahathir berkata demikian setelah ditanya wartawan mengenai kenyataan pucuk pimpinan PAS yang menyatakan parti pembangkang itu telah memastikan Dr Mahathir mengosongkan kerusinya sebagai Perdana Menteri selepas mengatakan bahawa kenyataan beliau untuk meletak jawatan itu adalah sandiwara semata-mata..

Ketika Dr Mahathir mengumumkan perletakan jawatannya lebih setahun lalu, PAS berkata ianya adalah satu sandiwara Dr Mahathir tetapi setelah beliau meletakkan jawatan pemimpin PAS pula berkata mereka berkata demikian untuk memastikan yang Dr Mahathir benar-benar melepaskan jawatannya.

"Dia kata itu kerana dia tahu apa yang dia kata itu tidak benar, tapi niat dia kemudian dia kata kerana dialah saya letak jawatan," katanya.

Mengulas kenyataan pemimpin PAS, Datuk Harun Din semalam yang berkata beliau akan bertanding di Kubang Pasu jika Dr Mahathir bertanding kerusi tersebut bekas Perdana Menteri berkata: "Jadi kalau saya tak bertanding (dia akan kata) saya takut dengan dia, dia pressure saya supaya jangan bertanding. Ini cara PAS...dia kata lain niat dia lain," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan kepada rakyat bagaimana PAS menipu apabila mereka berkata sesuatu, sebaliknya mempunyai niat sesuatu yang lain.

"Mereka kata mereka hendak bina sebuah negara Islam sedangkan tujuan sebenar mereka adalah untuk menipu orang ramai supaya mereka dapat sokongan. Mereka tahu mereka tidak dapat laksanakan, apa sahaja yang mereka katakan sebagai negara Islam, yang sesungguhnya langsung bukan Islam... ini cuma (dakyah) PAS,"

Beliau berkata Malaysia sudah menjadi negara Islam, jadi tidak perlu bagi PAS untuk berbohong mengenai penubuhan sebuah negara Islam.

"Seluruh dunia memperakui kita sebagai sebuah negara Islam, malah sebagai sebuah model. Mereka ingin mencontohi Malaysia, mereka tidak kata mereka ingin meniru Kelantan atau Nik Aziz," katanya.

Ditanya berhubung tentangan DAP dan Parti Keadilan Nasional keatas negara Islam PAS, Dr Mahathir berkata: "Ini semua pelawak."

Beliau berkata kedua-dua pihak terbabit dalam sandiwara kerana mereka

takut untuk menyatakan sokongan kepada contoh negara islam PAS kerana takut kehilangan undi masyarakat Cina.

Beliau berpendapat akhirnya ketiga-tiga parti pembangkang itu akan bekerjasama dan cuba menipu rakyat.

Bercakap mengenai perkara lain, Dr Mahathir berkata pelantikan Timbalan Perdana Menteri adalah hak Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Itu soal Perdana Menteri bukan soal saya, sebagai orang biasa saya tunggulah. Kuasa pelantikan itu adalah kuasa Perdana Menteri.

Beliau juga berkata kepimpinan Abdullah nampaknya cukup baik berikutan sambutan hebat daripada rakyat.

-- BERNAMA

SR RV AZH